

Wakil rakyat lompat, kerusi PRU-15 kekal milik parti asal

Oleh MOHAMAD HAFIZ

YUSOFF BAKRI

hafizyusoff@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Hanya pindaan pada Peraturan-peraturan Perjalanan Pilihan Raya 1998 boleh membendung ahli parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada melompat parti.


Perkara tersebut disuarakan bekas Timbalan Pengerasi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), **Datuk Wan Ahmad Wan Omar** yang menyifatkan pindaan tersebut sebagai langkah terbaik buat masa ini bagi menghentikan kemelut politik selain tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Menurut beliau, menerusi pindaan tersebut, kerusi perlu kekal dimiliki oleh parti asal dan diuruskan oleh parti masing-masing.

“Semasa pilihan raya, wakil rakyat disokong partinya, apabila dia buat keputusan lompat parti, kerusi itu seharusnya dikekalkan menjadi milik parti.

“Selain itu, dalam pindaan tersebut juga, mereka yang melompat (parti) perlu diletakkan sebagai wakil bebas dan tidak boleh mengundi kalau ada usul tidak percaya atau sebarang usul yang berkaitan dengan pembentukan atau penolakan kerajaan,” kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Semalam, Sultan Perak, Sul-



WAN AHMAD WAN OMAR

tan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, pelantikan Menteri Besar Perak kali ketiga di negeri itu selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bukan sejarah yang boleh dibanggakan.

Malah, dalam titah itu, Sultan Nazrin menyifatkan perkara yang berlaku tersebut jadi cerminan kegagalan dan bukannya kejayaan seseorang pemimpin.

Tambah Wan Ahmad, jika diwujudkan undang-undang anti lompat parti, ia bercanggah dengan Perkara 10(1)(C) Perlembagaan Persekutuan iaitu hak membentuk persatuan, kebebasan bercakap atau kebebasan berhimpun.

Bagaimanapun, pandangan berbeza bagi bekas Yang Dipertua Dewan Negara, **Tan Sri S. Vigneswaran** yang menyifatkan kewujudan Akta Anti Lompat Parti adalah jalan terbaik bagi memastikan tiada



S. VIGNESWARAN

ahli parlimen berpaling tадah.

“Contoh India. Mereka ada undang-undang lompat parti, Jadi kita perlu ada undang-undang itu juga,” katanya.

Sementara itu, pengalisis politik Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) **Prof Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain** berkata, mewujudkan tatacara untuk penyandang kerusi tanpa ada akta atau undang-undang bagi mereka yang melompat parti tidak mencukupi untuk menghalang perkara itu daripada terus berlaku.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan perlu mewujudkan undang-undang yang boleh mengenakan hukuman kepada ahli politik lompat parti dan dengan undang-undang tersebut dijangka mampu membendung tindakan disifatkan berpaling tадah.